

Kejayaan siswa, siswi gambaran kecemerlangan universiti

NST 1.5.2019 4

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Pencapaian mahasiswa dan mahasiswi di setiap peringkat khususnya yang membawa nama universiti ke tahap tertinggi sewajarnya diberi sokongan dan difokuskan bagi memastikan kayu ukur kecemerlangan universiti adalah bersifat setara dalam pelbagai bidang.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) Datuk KY Mustafa berkata penglibatan dan pencapaian pelajar adalah aspek penting yang perlu difokuskan oleh pengurusan Universiti.

“Melihat kepada sumbangan dan pencapaian siswa-siswi kita yang mengangkat nama universiti sehingga per-sada antarabangsa, adalah perlu untuk kita sebagai pihak universiti untuk memainkan peranan sebagai penyuntik semangat dan memberikan sokongan tanpa jemu kepada mereka.

“Sesungguhnya kecemerlangan mereka ini adalah perkara yang memberi gambaran kepada kejayaan universiti khususnya dalam aspek menyediakan latihan dan pemer-kasaan kemahiran kepada para pelajar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir semasa Majlis Anugerah Hal Ehwal Pelajar (MAHEPA) kali ke-21, 2019 di sini Isnin malam.

Jelasnya usia 25 tahun UMS sebagai sebuah pusat pengajian awam yang telah melakar pelbagai kenangan dan sejarah kejayaan perlu diteruskan den-



KENANGAN...Bergambar kenangan, para penerima anugerah MAHEPA bersama barisan tetamu kehormat.

gan menghasilkan siswa-siswi yang maju dari segi intelektual dan kemahiran aktiviti luar.

“Penerapan nilai-nilai yang diajar di universiti menjadi tauladan kepada masyarakat ilmu dan ia perlu dikekalkan secara tuntas kerana inilah yang menjadikan UMS relevan, lestari dan cemerlang,” katanya lagi.

Hadir menyempurnakan dan meny-erikan majlis ialah Tuan Yang Terutama, Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin dan isteri Toh Puan Norlidah R.M Jasni.

Sementara itu Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik (HEP) UMS, Prof. Dr. Ismail Ali turut menegaskan bahawa MAHEPA sentiasa menghargai peranan pelbagai pihak yang menyokong semua aktiviti yang dianjurkan oleh UMS.

“UMS berbesar hati meraikan para

pelajarnya kerana alumni UMS sentiasa memberi sokongan kepada semua aktiviti yang dianjurkan dan diharap ianya mampu berkekalan pada masa akan datang.

“Jika diteliti dalam Pelan Dasar Strategik UMS melalui Bidang Keberhasilan Utama atau UMS-KRA kelapan yang menyentuh berkenaan meningkatkan pengalaman holistik pelajar, jelas bahawa matlamat utama KRA ini adalah untuk membangunkan bakat dalam kalangan pelajar,” katanya.

Tegas beliau lagi, hal tersebut adalah aspek yang sejajar dengan nilai dalam pendidikan yang diterapkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik.

“Nilai-nilai dalam pendidikan yang menteri kita amanatkan adalah kasih sayang, kegembiraan dan kebahagiaan

serta saling menghormati di antara satu dengan yang lain,” jelasnya lagi.

Sebanyak 11 anugerah individu dan sembilan anugerah berkumpulan dipertandingkan meliputi pemimpin harapan, kepimpinan, keusahawanan, sukarelawan, inovasi, pengucapan awam, kebudayaan dan sukan.

Menurut Ismail, sepanjang tahun 2018 sahaja, sebanyak 859 aktiviti telah berjaya dilaksanakan oleh para pelajar dan antaranya sehingga ke peringkat antarabangsa.

Hadir sama Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin dan isteri Datin Roha Asmara, Pengerusi National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Malaysia Tan Sri Lee Lam Thye, Ahli Lembaga Pengarah UMS Datin Nurlaila Said dan Ketua Jabatan HEP UMS Kamisah Husin.